

# UMS terima Anugerah Universiti Awam Bebas Denggi 2018

NST 17.7.2018 5

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul sebagai penerima anugerah pemenang tempat ketiga pertandingan Universiti Awam Bebas Denggi 2018, di Petaling Jaya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Bertemakan "Komuniti ASEAN Membanteras Denggi", pertandingan tersebut disertai 20 Universiti Awam seluruh negara sempena Sambutan Hari Denggi ASEAN.

Kemenangan itu menyaksikan UMS menerima hadiah wang tunai RM2,000 yang disampaikan Menteri Kesihatan Malaysia iaitu Dr. Haji Dzulkefly Ahmad.

Sementara itu, Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS, Prof. Dr. Mohammad Saffree Jeffree berkata, kejayaan itu adalah hasil kerjasama erat antara pihak pengurusan UMS, FPSK dan seluruh warga universiti.

"Ini merupakan satu pengiktirafan terhadap segala usaha yang dijalankan sekali gus membolehkan universiti ini dinobatkan sebagai sebuah kawasan bebas denggi.

"Dalam masa yang sama, pengiktirafan ini pasti akan memberi suntikan motivasi kepada seluruh warga UMS untuk berusaha lebih gigih bagi mencapai tahap kecemerlangan lebih tinggi pada masa akan datang," katanya yang hadir mewakili Naib Canselor UMS.

Pada program tersebut, johan dan penerima anugerah tempat kedua masing-masing dimenangi Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).



TERIMA NAUGERAH...Prof. Dr. Mohammad Saffree bergambar bersama anugerah yang dimenangi UMS.